

0200013039

SISTEM WARISAN PUSAKA
PERBANDINGAN ANTARA UNDANG-UNDANG
ISLAM DAN
ADAT PERPATIH

MOHD SALLEHUDDIN BIN MAARUF

KERTAS PROJEK INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA MUDA UNDANG-UNDANG
DENGAN KEPUJIAN

FAKULTI UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI

PENGAKUAN

“Saya akui bahawa karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan-ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.”

.....

.....

MOHD SALLEHUDDIN MAARUF

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah kurnianya penulis dapat menyiapkan kajian yang tidak seperti ini dengan penuh ketabahan dan ketekunan.

Penulis ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada penyelia-penyelia yang terlibat iaitu Encik Shamsudin Shor, Puan Noraziah Hj. Mohd Awal dan Dr. Ali Baharun, kesemuanya pensyarah Fakulti Undang-undang Universiti Kebangsaan Malaysia, atas nasihat, bimbingan dan tunjuk ajar yang telah diberikan sehingga kajian ini dapat disiapkan.

Penghargaan juga ditujukan kepada pihak Perpustakaan undang-undang, Perpustakaan Tun Seri Lanang dan Perpustakaan Institut Bahasa, Kebudayaan Dan Kesusasteraan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, yang telah menyediakan kemudahan-kemudahan rujukan yang diperlukan bagi tujuan menyiapkan kajian ini.

Penulis juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan sumbangan dan bantuan, sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan penulisan ini.

Bangi,
10hb Mac, 1990

Mohd Sallehuddin Bin Maaruf

SINOPSIS

Adat Perpatih dan Islam merupakan dua kuasa yang menyusun struktur dan cara hidup masyarakat Melayu di Negeri Sembilan dan Naning di Melaka. Dua kuasa ini pertindanan antara satu sama lain, lantas menimbulkan ketegangan dan percanggahan antara kedua-duanya, khususnya dalam hal perwarisan.

Penulis menggunakan pendekatan perbandingan dalam membicarakan hal perwarisan dengan tumpuan kepada masyarakat Melayu Adat Perpatih di Negeri Sembilan.

Bab I membicarakan tentang latar belakang sejarah perwarisan Islam dan Adat Perpatih. Pemakaian Islam dan adat dalam masyarakat Melayu serta penyesuaian Islam dengan adat turut diperbincangkan dalam bab ini.

Bab II membincangkan tentang konsep harta menurut undang-undang Islam, Adat Perpatih dan undang-undang Sivil serta perbandingan antara ketiga-tiganya.

Bab III memperkatakan perihal unsur-unsur perwarisan dalam undang-undang Islam dan Adat Perpatih dan perbandingan antara kedua-duanya.

Dalam bab IV, beberapa cadangan disyorkan untuk mengatasi masalah-masalah yang wujud dan seterusnya membuka jalan kepada masyarakat untuk melaksanakan sistem Faraid. Akhir sekali, di dalam bab ini juga, penulis membuat rumusan terhadap perbincangan-perbincangan yang telah diadakan dalam bab-bab di atas sebagai kesimpulan kepada penulisan ini.

SYNOPSIS

Adat Perpatih and Islam are the two forces which administered the life and structure of Malay society in Negeri Sembilan and Naning in Malacca. These two forces intermingled with each other, thus produce stress and conflict between each value, especially in the matter of inheritance.

The writer has taken a comparative approach to discuss the discipline of inheritance among Malay society in the state of Negeri Sembilan.

Chapter I contains the historical background of inheritance in Islam and Adat Perpatih. General discussion on the application of Islam and adat in Malay society and Islam being modified to fit adat are also included therein.

Chapter II outlines the concept of estates according to Islamic law, Adat Perpatih and Civil law, together with its comparisons.

Chapter III points out the elements of inheritance in Islam and Adat Perpatih and its comparisons.

In chapter IV, a few suggestions and proposals are advanced to eradicate the existing problems and thus, to steer the society to the use of Islamic law of inheritance. Finally, the said chapter summarizes points from each chapter in view of concluding this writing.

KANDUNGAN

Pengakuan.....	ii
Penghargaan.....	iii
Sinopsis.....	v
Synopsis.....	vii
Daftar Jadual/ Rajah.....	xii
Senarai Singkatan.....	xiii
Senarai Kes.....	xiv
Senarai Statute.....	xv
Pendahuluan.....	xvi
Metodologi Kajian.....	xix

BAB I

1. Sejarah Perundangan Dan Latar Belakang Undang-Undang Warisan Islam.....	1
a) Amalan Adat Sebelum Dan Dalam Islam.....	1
b) Sistem Pusaka Sebelum Islam Dan Pembaharuan- Pembaharuan Islam.....	5
2. Sejarah Perundangan Dan Latar Belakang Adat Perpatih.....	8
a) Asal-Usul Serta Kemasukannya Ke Tanah Melayu (Negeri Sembilan) dan pengaplikasiannya.....	8
b) Sistem Adat Perpatih.....	13
3. Islam Dan Adat Dalam Masyarakat Melayu.....	16
4. Islam Dan Penyesuaiannya Dengan Adat.....	19

BAB II

1. Konsep Harta.....	34
a) Konsep Harta Menurut Islam.....	34
b) Konsep Harta Menurut Adat.....	39
c) Konsep Harta Menurut Undang-Undang Sivil.....	42
2. Perbandingan.....	47

BAB III

1. Unsur-Unsur Perwarisan Islam.....	58
a) Sumber Hukum Islam.....	58
b) Asas Hukum Waris.....	60

c) Harta warisan.....	63
d) Ahli Waris Dan Hak-Hak Mereka.....	65
2. Unsur-Unsur Perwarisan Adat Perpatih.....	79
a) Harta Warisan.....	79
b) Asas Hukum waris.....	83
c) Ahli Waris.....	86
d) Cara Perwarisan.....	89
3. Perbandingan.....	92

BAB IV

1. Masalah Dan Cadangan.....	107
2. Rumusan.....	116
Senarai Rujukan.....	123

Daftar Jadual/ Rajah

1. Rajah 3.1.4 (a) – Ahli Waris
2. Jadual 3.1.4 (b) – Fardu (bahagian) ahli waris.

Senarai Singkatan

Anor	Another
B./ b.	Bin
Bt./ bt.	Binti
Co.	Company
Dr.	Doktor
Dec.	Deceased
Hal.	Halaman
Ibid.	Di tempat yang sama
Jil.	Jilid
JMCL.	Journal of Malaysian Comparative Law
JMBRAS	Journal of Malayan Branch royal Asiatic Society
Lwn.	Lawan
MLJ.	Mapayan Law Journal
MLR.	Malaya Law Review
Op. cit.	Dalam karya tersebut

Senarai Kes

Kiah Bt. Hanapiah lawan Som Bt. Hanapiah (1953) 19 MLJ 82.

Kiah lawan Amah (Taylor: Customary Law of Rembau, 253)

Re Dato' Ngiang Kuloo Kidal Dec. (Taylor: Customary Law of Rembau, 92)

Tan Cheng Hock lawan Chan Thean Soo & Anor (1987) 2MLJ 479.

The Shell Company Of The Federation Of Malaya lawan Commissioner Of The Federal Of Kuala Lumpur (1964) 30 MLJ 302.

United Malayan Banking Corporation lawan Official Receiver And Liquidator Of Soon Hup Seng Sdn. Bhd. (in liquidation) & Anor. (1986) 1 MLJ 75.

Senarai Statute

Akta Pusaka Besar 1955.

Akta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955.

Akta Pindaan Kanun Tanah Negara (Hak Milik Pulau Pinang Dan Melaka) 1965.

Akta Undang-undang Sivil, 1956.

Enakmen Pemegangan Tanah Adat (Customary Tenure Enactment) 1909.

'Interpretation Act' (Consolidated And Revised 1989) 1967.

Kanun Tanah Negara 1965.

Perlembagaan Persekutuan.

Pendahuluan

Setiap masyarakat di dunia ini pasti mempunyai sistem yang tersendiri. Malaysia sendiri tidak dapat lari daripada hakikat ini, malah sistem perundangan Malaysia bersifat lebih unik, kerana ia ditadbirkan melalui beberapa jenis undang-undang seperti undang-undang Sivil (Common Law dan Statute), undang-undang Islam serta undang-undang Adat (seperti Adat Perpatih, Adat Temenggung, Adat 99 Perak dan mendapat pengiktirafan mahkamah dan telah diamalkan sejak berzaman lagi.

Masyarakat Adat Perpatih secara amnya turut membina struktur masyarakat mereka berpandukan kepada ketiga-tiga sumber undang-undang di atas. Sementara dalam hal perwarisan, mereka lebih bertumpu kepada pemakaian adat dan Islam yang telah bertumpu disesuaikan dengan adat.

Sebagaimana tajuk penulisan ini: 'Sistem Warisan Pusaka, Perbandingan Antara undang-Undang Islam Dan Adat Perpatih', penulis cuba mengetengahkan ketegangan atau konflik yang wujud antara kedua-dua sistem ini dan seterusnya cuba memberikan jalan penyelesaian yang sebaik mungkin. Dalam pada itu, penulis mengajak para pembaca amnya dan masyarakat Adat Perpatih khususnya berfikir tentang persoalan ini dan seterusnya mengajak mereka supaya lebih condong kepada pengamalan sistem Faraid Islam. Bagaimanapun, penulis bukan bertujuan untuk menggalakkan masyarakat Adat Perpatih untuk terus meninggalkan adat yang jelas bertentangan dengan adat. Ini adalah kerana penulis percaya bahawa tidak kesemua adat itu bertentangan dengan Islam dan seperkara lagi, Islam sendiri menerima adat yang tidak bertentangan dengannya.

Walaupun terdapat beberapa penulisan berkaitan dengan persoalan yang di bawah ini, namun penulis merasakan tidak banyak perbincangan yang berbentuk akademik mengenainya. Oleh itu penulis telah memilih tajuk itu untuk meluaskan penulisan yang sedia ada dan seterusnya mengekalkan kesinambungannya. Penulis juga berharap agar masyarakat kampus (terutama yang berasal dari Negeri Sembilan) khasnya dapat menghayati penulisan ini sepenuhnya kerana merekalah yang akan menjadi pemimpin dan nadi penggerak kepada masyarakat.

Akhir sekali, penulis memohon maaf jika terdapat sebarang kelemahan dalam menulis dan menyusun penulisan ini, kerana sebagai manusia kerdil, kita tidak sesempurnanya.

Metodologi Kajian

Bagi tujuan memperoleh maklumat yang diperlukan untuk kajian ini, penulis menggunakan dua kaedah utama pengumpulan maklumat, iaitu:

- a) Kaedah temu bual.
- b) Kaedah rujukan sumber bercetak.

A. Kaedah Temu Bual

Kaedah ini merupakan satu kaedah pengumpulan yang penting bagi mendapatkan maklumat terkini, gambaran serta pandangan terhadap soal persoalan kajian ini daripada masyarakat Adat Perpatih di Negeri Sembilan. Kaedah ini bertumpu kepada penduduk setempat di kampung Talang di Kuala Pilah, kampung Sungai Machang Hilir di Mantin, Seremban dan di sekitar daerah Seremban. Penulis memilih ketiga-tiga kawasan ini kerana, penduduk setempatnya mengamalkan Adat Perpatih mengikut tahap darjah yang berlainan.

Keseluruhan kaedah ini dilakukan secara 'informal' kerana sifat persoalan perwarisan yang sensitif. Seperkara lagi, kaedah temu bual secara 'informal' ini lebih memudahkan penulis mendekati penduduk setempat dan seterusnya mendapatkan maklumat dari mereka.

B. Kaedah Rujukan Sumber Bercetak

Penulis merujuk kepada bahan maklumat bercetak yang terdapat di beberapa buah perpustakaan. Perpustakaan yang menjadi tempat rujukan utama ialah Perpustakaan Undang-Undang, Perpustakaan Tun Seri Lanang dan Perpustakaan Institusi bahasa, Kebudayaan Dan Kesusasteraan Melayu. Kesemua perpustakaan di atas terletak di Universiti Kebangsaan Malaysia.

Oleh sebab kajian ini bersifat kajian ini bersifat kajian kepada konsep perwarisan dalam undang-undang (dengan Pengkhususan kepada undang-undang Islam dan Adat Perpatih), maka kebanyakan rujukan lebih bertumpu kepada buku, jurnal, keratan akhbar dan juga kertas kerja seminar yang diadakan.

Bahan-bahan ini bukan sahaja memberi maklumat penting kepada penulis tetapi juga membantu penulis untuk memahami secara lebih terperinci tentang kajian ini.

BAB IV

Masalah Dan Cadangan.

Hal pusaka di dalam kelompok masyarakat Adat Perpatih merupakan perkara yang amat sensitif kerana ia melibatkan anggota keluarga dan suku secara langsung. Secara umumnya, masyarakat Adat Perpatih mengamalkan adat dan Islam secara serentak dalam mengatur kehidupan mereka. Umpamanya, dalam hal ibadah, Islam diikuti sementara dalam hal pusaka lebih menekan kepada adat. Oleh yang demikian, mereka tidak pernah menerima dan mengamalkan secara menyeluruh akan hukum Islam. Lantas seseorang mungkin bertanya, “Kenapakah mereka selama ini tidak pernah mengambil semua hukum Islam?”, atau “Apakah sebabnya ajaran-ajaran Islam tidak semuanya diamalkan dalam masyarakat tersebut?” Dalam perbincangan ini, penulis akan cuba mengupas beberapa masalah yang dihadapi berkaitan dengan persoalan di atas dan seterusnya memberi beberapa cadangan untuk mengatasi masalah tersebut.¹

Pertama sekali, di sana terdapat satu sikap umum mereka terhadap adat. Tidak kira dari suku mana asal mereka dan di bahagian mana mereka tinggal, mereka menilai adat lama mereka melebihi dari yang lain, ini dapat dilihat dari perbilangan adat yang berbunyi:

Biar mati anak,
Asalkan jangan mati adat,
Tak lapuk dek hujan,
Tak lekang dek panas.

Dengan ini dapat difahami bahawa adat dianggap sebagai pengawal kepada cara hidup yang semula jadi (natural) dan mempunyai kuasa mengikat dalam mengatur organisasi suku bagi memenuhi keperluan masyarakat dalam kehidupan sehari-hari. Lantaran daripada itu, mereka mengikut sahaja apa yang telah selama ini diamalkan oleh masyarakat setempat, tanpa memikirkan kenapa amalan tersebut harus mereka ikuti. Mereka mengamalnya tanpa bantahan atau bangkangan kerana menurut mereka itulah yang selama ini diamalkan oleh nenek moyang mereka maka mereka akan terus mengekalkan tradisi amalan tersebut.²

Masyarakat Islam di Malaysia secara keseluruhannya percaya bahawa undang-undang Islam elok dan baik dan mesti dipandang tinggi, tetapi ini hanyalah untuk dipelajari sebagai pengetahuan dan untuk ibadat-ibadat tertentu sahaja.³ Mubaligh-mubaligh Islam yang pertama terdiri daripada ahli-ahli ‘teologi’⁴ dan lantaran dari itu golongan tua masyarakat Melayu lebih berminat kepada perkara ibadah dari yang lainnya. Akibat dari itu juga Kadi-Kadi dan Iman-Iman yang terdiri dari generasi lama ini kekurangan pengetahuan berhubung dengan perkara detail yang lain daripada hal ibdah.⁵ berakibat daripada ini sebahagian daripada anggota masyarakat Adat Perpatih

yang ingin mengikut undang-undang pusaka Islam terpaksa memendam hasrat mereka kerana tidak tahu kepada siapa harus mereka ajukan masalah tersebut.⁶ Sebagai jalan mudah, mereka berbalik semula kepada adat.

Seperkara lagi, dalam kelompok masyarakat Adat Perpatih di kawasan-kawasan tertentu yang masih kuat mengamalkan adat seperti di Kuala Pilah, Rembau dan Jelevu, kesinambungan amalan adat amat dititik-beratkan. Tekanan terhadap pemakaian adat dari masyarakat sekitar (sekampung) dan orang-orang tua yang berpengaruh seperti Datuk Lembaga dan Buapak⁷ merupakan faktor utama dalam hal ini.⁸ Akibatnya, mereka yang ingin lari dari mengamalkan adat dan sebaliknya ingin mengamalkan undang-undang pusaka Islam tidak dapat berbuat sedemikian kerana risikonya mungkin akan dianggap sebagai 'pemisah kepada kesinambungan adat' dan mungkin juga akan dipandang serong dan disisih oleh masyarakat setempat. Oleh kerana masyarakat sekampung terkenal dengan sifat 'kesatuan' mereka dan mereka saling memerlukan antara satu sama lain umpamanya dalam hal kenduri kahwin, kematian dan sebagainya, maka mereka tidak berani menghadapi risiko meninggalkan amalan adat. Kesimpulannya bolehlah dikatakan bahawa mereka mengamalkan adat bukan secara sepenuh hati.

Sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini, tujuan harta itu sendiri adalah untuk memelihara suku dan dengan ini adalah untuk memelihara suku dan dengan ini dapatlah diertikan bahawa ahli-ahli waris umumnya hanya mempunyai hak pakai. Mereka berpendapat bahawa ibu bapa mereka telah bersusah-payah cuba mendapatkan harta tersebut, oleh itu adalah tidak wajar bagi mereka cuba membahagi-bahagikan harta tersebut yang akan menukarkan bentuk yang sedia ada. Menurut mereka lagi, dari segi ekonomi, pembahagian tersebut membawa kepada kesan negatif. Menurut kajian Laporan Pembangunan Tanah Terbiar yang dijalankan pada tahun 1990 oleh Kementerian Pertanian, ada kira-kira 32,000 hektar tanah sawah kebanyakannya milik orang Islam di seluruh negara terbiar dan tidak dapat diusahakan secara komersial berikutan pembahagian harta pusaka di kalangan waris. Ini adalah berakibat daripada kesukaran mengesan waris, pemisahan tanah menjadi tidak ekonomik dan salah seorang waris meninggal dunia.⁹

Umumnya terdapat beberapa undang-undang dan status terbabit di dalam pembahagian pusaka orang-orang Islam di Malaysia:

- a) Akta Pesaka Besar 1955 – bagi pusaka berjumlah \$6000,000.00 ke atas, ditadbirkan oleh Pentadbir Pesaka Malaysia dan kes diselesaikan di Mahkamah Tinggi.
- b) Akta Pesaka Kecil 1955 – bagi pusaka berjumlah \$600,00.00 ke bawah, ditadbirkan dan diselesaikan oleh Unit Pesaka Kecil, Kementerian Tanah dan Kemajuan Wilayah.
- c) Enakmen Pemegangan Tanah Adat 1909 – digunakan di negeri Sembilan di daerah Jelevu, Kuala Pilah, Rembau dan Tampin. Ia berdasarkan Adat Perpatih, iaitu tanah yang ditinggalkan oleh waris sesuatu suku mesti diserahkan kepada waris dalam suku itu juga.

Sungguhpun undang-undang di atas mengawal akan pembahagian harta orang Islam, akan tetapi jika diamati dan diteliti dengan mendalam, maka akan didapati bahawa pemakaiannya tidaklah secara menyeluruh, malah ia menguatkan kedudukan adat itu sendiri.¹⁰ Lantaran dari itu, terdapat perbalahan di antara ahli keluarga sama ada untuk menggunakan sistem faraid Islam atau tidak.¹¹

Untuk mengatasi masalah-masalah yang telah dinyatakan tadi, maka di sini diperturunkan beberapa cadangan yang mungkin dapat membantu.

Majlis Agama Islam terletak di bawah bidang kuasa negeri masing-masing.¹² Oleh itu, Majlis berkuasa untuk menentukan kelicinan pentadbiran undang-undang Islam di negeri-negeri tersebut. Sekurang-kurangnya, Majlis ini boleh membantu dalam menentukan sistem faraid diamalkan sepenuhnya. Antaranya, ialah dengan mengadakan kelas-kelas faraid sekurang-kurangnya sekali seminggu di kawasan qariah masjid dan diajar oleh mereka yang mempunyai pengetahuan yang luas dan mendalam. Keduanya, dengan menghantar iman-iman berkursus dengan lebih mendalam lagi akan hal faraid. Masyarakat kampung amat menaruh kepercayaan kepada iman-iman, maka apabila iman-iman tersebut selepas berkursus dapat memberikan penjelasan dengan sebaik-baiknya dengan kehendak Islam, maka sedikit sebanyak ia dapat mengubah corak pemikiran masyarakat yang masih kuat berpegang kepada adat.

Cadangan seterusnya memerlukan pengorbanan dan mencabar kewibawaan orang-orang tua yang mempunyai pengaruh terhadap perjalanan adat seperti Datuk Lembaga atau Buapak. Mereka ini menjadi nadi kepada anak-anak buah dan menjadi pakar rujuk dalam soal adat. Oleh itu, jika ada di antara Datuk Lembaga atau Buapak yang sanggup meninggalkan sistem perwarisan adat dan beralih kepada sistem faraid, maka ini akan memudahkan lagi proses pemakaian undang-undang pusaka Islam. ini adalah kerana tingkah-laku dan tidak-tanduk mereka akan menjadi 'precedent'¹³ atau ikutan anak-anak buah mereka. Apabila mereka yang di atas berani berbuat demikian, maka semangat berani tersebut secara automatik akan terserap kepada anak-anak buah mereka.

Mengenai masalah terbiar dan yang tidak diusahakan secara ekonomik, Islam dan adat tidak mempunyai halangan dalam hal ini. Sungguhpun Islam dan adat telah menetapkan kepada siapa harta tersebut harus dibahagikan, tetapi kedua-dua sistem di atas tidak menghalang jika harta tersebut umpamanya tanah ingin diusahakan secara bersama. Ini adalah kerana dalam Islam tiada nas yang menghalangnya manakala adat pula membenarkan hak pakai pada warisnya.

Perkara seperti inilah yang sedang diusahakan oleh Persatuan Peladang Kawasan (PPK), FELCRA dan Jabatan Pertanian yang selalunya menasihatkan waris-warisan yang terlibat untuk berkongsi menjalankan kegiatan pertanian atau menubuhkan syarikat keluarga. Manakala pihak-pihak berkuasa yang terbabit akan menentukan kesesuaian tanah terbiar untuk sesuatu tanaman dan menyediakan kemudahan asas seperti baja, racun dan sebagainya.¹⁴

Sebuah badan yang mengandungi alim ulama' dalam bidang undang-undang pusaka Islam dan cerdik pandai dalam bidang adat seharusnya ditubuhkan untuk mengkaji dan mengetahui di manakah berselisihnya hukum dalam kedua-dua bidang

tersebut. Dengan ini, badan yang ditubuhkan itu dapat berusaha mengeluarkan satu 'restatement' undang-undang mengenainya. 'Restatement' seperti ini pernah dibuat oleh Kerajaan Usmaniah yang dinamakan 'Majallah', yang mengandungi bermacam-macam hukum ke atas Mazhab Hanafi.

Hasil daripada kajian badan ini nanti, maka kerajaan negeri melalui bidang kuasa yang ada padanya, sekurang-kurangnya boleh merangka suatu enakmen yang mengandungi hukum-hukum adat yang telah disesuaikan dengan Islam, khususnya dalam hal pusaka. Kuasa ini telah diberikan melalui Perkara 74(2) Perlembagaan Persekutuan¹⁵ dan juga melalui Senarai Kedua Jadual Kesembilan.¹⁶ umpamanya, enakmen ini boleh dinamakan Enakmen Pusaka Islam (Adat) Negeri Sembilan 1990. Perkataan adat pada enakmen tersebut tidak harus diketepikan kerana adat tetap bertapak di dalam hati masyarakat dan sekurang-kurangnya mereka merasa lega dan berpuas hati kerana adat tetap dipakai walaupun telah disesuaikan dengan Islam. Manakala pemakaian dan pengaplikasian setiap peruntukan di dalam enakmen tersebut mestilah bersifat mandatori dengan dikenakan hukuman seperti denda yang tinggi jika gagal mengikutinya.

Jika ini gagal dilakukan, maka sebagai alternatifnya, Parlimen boleh merangka suatu akta yang diseragamkan untuk semua negeri. Kuasa diberi melalui Perkara 76(1)(b).¹⁷ Akta ini boleh dinamakan Akta Pusaka Islam dan pemakaiannya hendaklah dilaksanakan di seluruh negeri di Malaysia kecuali negeri-negeri Borneo¹⁸ tanpa mengambil kira adat negeri-negeri tersebut. Dengan pemakaiannya ke atas setiap negeri, maka masyarakat setempat tidak mungkin bersuara lantang, menentang pemakaiannya dan pemakaiannya mesti bersifat mandatori yang disertakan dengan hukuman denda yang tinggi jika gagal mengikut peruntukannya.

Dengan pemakaiannya yang bersifat mandatori dan disertakan hukuman, tidak dapat tidak, semua orang Islam tanpa mengira negeri atau adat yang diamalkan terpaksa mengikut peruntukan akta ini. Sekurang-kurangnya, dengan adanya akta ini, usaha pihak yang masih ingin mengekalkan sistem perwarisan adat akan menjadi sia-sia.¹⁹

Akan tetapi, cadangan membuat akta ini adalah sebagai usaha terakhir sekiranya usaha-usaha lain gagal kerana ianya terlalu ketat (rigid) dan berkemungkinan akan menimbulkan ketegangan di dalam masyarakat. Ia haruslah dibentuk dengan berhati-hati melalui kajian yang mendalam dan teliti dengan mengambil kira semua aspek termasuk kesan atau implikasi sosial yang akan timbul.

Rumusan.

Soal harta pusaka dianggap mempunyai nilai sentimental dan kebendaan bagi waris. Ada orang sanggup membelanjakan banyak wang dalam proses menuntut harta pusaka walaupun harta yang dituntut jumlahnya kurang daripada wang yang dibelanjakan itu. Ada keluarga yang porak-peranda dan bercerai-berai disebabkan harta pusaka. Hal-hal sedemikian bukanlah satu khayalan atau mitos, akan tetapi satu fenomena yang wujud di dalam masyarakat, dari dulu hingga ke hari ini.

Adat dan Islam merupakan dua kuasa yang mengatur kehidupan masyarakat di Malaysia amnya dan di Negeri Sembilan khasnya. Kedua-duanya boleh dikatakan sebagai sumber yang lengkap, yang merangkumi antara lain hal pusaka. Perbezaannya, Cuma kedua-duanya adalah dari sumber yang berlainan sedangkan kedua-duanya mempunyai tujuan yang murni yakni untuk membina masyarakat yang harmoni.

Namun, ketegangan terhadap pemakaian kedua-duanya tetap wujud. Ketegangan yang dimaksudkan di sini seperti di dalam masyarakat Adat Perpatih yang terkenal dengan sikap yang kuat berpegang pada adat, maka bila ada pihak ingin mengamalkan sistem faraid, tekanan terhadap pemakaian adat dari masyarakat setempat wujud. Lantaran itu, pihak tersebut tersepit di antara dua sistem ini. Seperkara lagi, daripada perbincangan-perbincangan yang telah diadakan melalui bab-bab sebelum ini, jelas menunjukkan ketegangan atau pertembungan yang timbul antara Adat Perpatih dan Islam dalam hal pusaka walaupun tidak secara keseluruhan.

Islam bersifat toleransi dan cuba memberikan jalan yang sebaik-baiknya untuk menyelesaikan ketegangan antara kedua-dua sistem di atas. Pertelingkahan antara kedua-dua sistem ini sebaik-baiknya diselesaikan dengan cara aman tanpa menimbulkan kekecohan. Cadangan menubuhkan badan yang mengandungi cerdik pandai dari kedua-dua bidang di atas seperti yang dinyatakan sebelum ini amat praktikal. Ini adalah kerana Adat Perpatih telah lama diamalkan dan amat kuat pengaruhnya kepada masyarakat yang terlibat, oleh itu, sebarang usaha yang cuba menghapuskan adat secara serta merta amat berbahaya. Kita harus mengguna dan meneladani apa yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. ketika menghapuskan adat lama sebelum Islam.

Seperkara lagi, tidak semua aspek perwarisan Adat Perpatih bertentangan dengan Islam, oleh itu, ia tidak harus ditolak sama sekali. Ini bersesuaian dengan dasar Islam itu sendiri yang menerima adat sebelum Islam asalkan ia tidak bertentangan dengan Islam, sebagaimana yang dinyatakan pada awal-awal perbincangan.²⁰

Dalam erti kata lain, sebelum sesuatu cara yang keras dan ketat (rigid) dijalankan, haruslah didahulukan dengan cara yang lembut. Ini adalah jalan sebaik-baiknya untuk menyusun masyarakat Adat Perpatih dan mereformasikan hidup mereka secara sistematik dan berjaya.

Kesimpulannya, hukum-hukum adat dalam hal pusaka harus disesuaikan dengan hukum-hukum Islam yang sedia ada. Sesungguhnya Allah s.w.t. telah berfirman di dalam Surah Al-An'am: 153, yang bermaksud:

“ Dan bahawa sesungguhnya inilah jalanKu (agama Islam) yang betul lurus, maka hendaklah kamu menurutnya; dan janganlah kamu menurut jalan-jalan (yang lain dari Islam), kerana jalan-jalan (yang lain itu) menceraiberaikan kamu dari jalan Allah. Dengan yang demikian itulah Allah perintahkan kamu bertakwa”.²¹

Nota Rujukan

1. Masalah yang cuba dikupas oleh penulis adalah hasil daripada temu bual yang dijalankan secara 'informal'.
2. Hasil daripada temu bual penulis dengan sebuah keluarga di Kg. Talang, Kuala Pilah pada 6hb Januari, 1990.
3. Tun Salleh Abbas, Pelaksanaan Undang-Undang Islam di Malaysia, Jurnal Hukum, Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur, Rejab 1404/ April 1984, hal. 146.
4. Othman Ishak, Hubungan Antara Undang-Undang Islam Dengan Undang-Undang Adat, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, Kuala Lumpur, 1982, hal. 91.
5. E.N. Taylor, The Customary Law of Rembau, Journal of Malayan Branch Royal Asiatic Society, Vol. VII, Singapore, 1929, hal. 9.
6. Maksud kurang pengetahuan di sini ialah kebanyakan mereka mempunyai pengetahuan asas (teori) akan tetapi gagal untuk mempraktikkannya dalam masalah sebenar.
7. Setiap perut dalam sesuatu suku itu mempunyai ketua masing-masing yang dipanggil Buapak dan semua perut digabungkan pula dalam satu ikatan yang lebih besar dipanggil suku. Lihat Ismail Hamid, Masyarakat Dan Budaya Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pendidikan Melayu, Kuala Lumpur, 1988, hal. 101-104. Dan lihat juga Hj. Mokhtar b. Hj. Mohd Dom, Adat Perpatih Dan Adat Istiadat Masyarakat Melayu, Federal Publications, Kuala Lumpur, 1977, hal. 8-14.
8. Hasil temu bual penulis dengan sebuah keluarga di kampung Gadong, Rembau pada 18hb Januari, 1990.
9. Wan Sabariah Sheikh Ali, Faraid – Tuntutan Pusaka Wujud Masalah Tanah Terbiar, Berita Minggu, New Straits Times Press, Kuala Lumpur, Ahad, 28 Januari, 1990, hal. 7.
10. Umpamanya, Seksyen 24(d) Akta Pesaka Kecil (Pembahagian) 1955, mengiktiraf hak waris anak angkat dari segi adat.
11. Ini adalah hasil daripada temu bual penulis dengan seorang waris di mana ayahnya telah meninggal dunia. Ahli waris yang masih hidup adalah ibu tiri (isteri si mati), seorang adik sebapa dan empat orang adik-beradik sebapa dan seibu, datuk dan nenek sebelah bapa. Kes ini dibicarakan di bawah Akta Pesaka Ringkas, di mana akan ibu tiri tersebut yang memiliki datuk dan nenek di atas melalui 'P.A.' (Power of Attorney) ingin mempertahankan haknya ke atas harta melalui kaedah di mana sebelum suaminya meninggal dunia, rumah kediaman terletak atas namanya. Oleh itu dia berhak ke atasnya. Sebaliknya empat orang adik-beradik tersebut mahukan pembahagian dijalankan secara faraid. Akibat dari itu, kes ini tidak dapat

diselesaikan semenjak tahun 1986 sehingga kertas kerja ini ditulis kerana tiada persefahaman antara waris-waris tersebut. Temu bual diadakan di Taman Paroi Jaya, Seremban pada 4hb Februari, 1990.

12. Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Sembilan No. 14, 1960). Lihat Bahagian II daripada Enakmen ini.
13. Secara amnya, 'precedent' menurut erti kata perundangan bermaksud sebagai autoriti atau contoh-contoh yang mesti diikuti oleh Mahkamah Keadilan yang lebih rendah tarafnya daripada mahkamah di atas. Lihat K.J. Aiyer's, *Manual of Law Terms And Phrases*, Law Book Co. Allahabad, 1973, hal. 630.
14. Wan Sabariah Sheikh Ali, Faraid – Tuntutan Pusaka Wujud Masalah Tanah Terbiar, op. cit, hal. 7.
15. Perkara 74. Hal Perkara Bagi Undang-Undang Persekutuan Dan Negeri. Dengan tidak menyentuh apa-apa kuasa yang diberi kepada Badan Perundangan Negeri untuk membuat undang-undang oleh mana-mana Perkara lain, Badan Perundangan Negeri boleh membuat undang-undang mengenai mana-mana perkara yang disebutkan dalam Senarai Negeri (iaitu Senarai Kedua yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan) atau Senarai Bersama.
16. Secara amnya, Senarai Kedua Jadual Kesembilan ini menyentuh tentang kuasa Kerajaan negeri untuk membuat sebarang undang-undang yang berkaitan dengan hukum syarak.
17. Perkara 76. Kuasa Parlimen Membuat Undang-Undang untuk Negeri dalam hal-hal tertentu.
 - a) Parlimen boleh membuat undang-undang mengenai apa-apa perkara yang disebutkan dalam senarai negeri, tetapi hanya seperti berikut sahaja.
 - b) Bagi maksud mengadakan persamaan undang-undang dari antara dua buah negeri atau lebih.....
18. Ini dinyatakan melalui Perkara 76(2) Perlembagaan Persekutuan yang antara lainnya bermaksud sebagai undang-undang di bawah perenggan (a) Fasal (1) tidak boleh dibuat melainkan setelah berunding dengan Kerajaan Negeri yang terlibat.
19. Melalui Perkara 75, mana-mana undang-undang Negeri yang berlawanan dengan undang-undang Persekutuan hendaklah terbatal, setakat mana ianya berlawanan dengan undang-undang Persekutuan tersebut.
20. Lihat bab satu (1 dan 2).
21. Sheikh Abdullah Basmeih, *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran*, Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur, 1985, hal. 333-334.

Senarai Rujukan

Buku

A.Monif Yaakob, Sejarah Perundangan Islam, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1988.

Abdullah Siddik, Dr. Pengantar Undang-Undang Adat Di Malaysia, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1975.

Abdul Rahim M.A. The Principles of Muhammadan Jurisprudence According To Hanafi, Maliki, Shafie And Hambali Schools. Lahore: All Pakistan Legal Decisions, 1975.

Abdul Rashid Hj Abdul Latiff. Hukum Pusaka Dalam Islam, Satu Kajian Perbandingan. Shah Alam: Penerbitan Hizbi, 1987.

Ahmad Amin, Dr. Fajar Islam. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, 1980.

Ahmad Ibrahim. Islamic Law In Malaya. Kuala Lumpur: Malaysian Sociological Research Institute Ltd, 1975.

Shafie Law. Singapore: Malayan Law Journal Pte. Ltd, 1976.

Amir Syariffuddin, Dr. Pelaksanaan Hukum Kewarisan Islam Dalam Lingkungan Adat Minangkabau. Jakarta: Gunung Agung, 1984.

A.R. Biswas, Dr. Biswas Encyclopedia Law Dictionary. Calcutta: Debooks Eastern Law House, 1979.

Black, Henry Campbell. Black's Law Dictionary. St. Paul Minn: West Publishing Co, 1979.

Curzon L.B. A Dictionary Of Law. London: Macdonald And Evans, 1979.

Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia. Kamus Dwibahasa Inggeris-Bahasa Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, 1985.

Elias, A. Elias & Ed. E. Elias. Elias' Modern Dictionary, Arabic-English. Cairo: Elias' Modern Publishing House & Co. 1986.

Ely. R.T. Property And Contract In Their Relations to The Distributions of Wealth. London: Mac Millan, 1914.

H. Abdullah Siddik S.H. Dr. hukum Waris Islam Dan Perkembangannya Di Seluruh Dunia Islam. Jakarta: Penerbitan Widjaya, 1984.

Hailsham of St. Marylebone, Lord. *Halbury's Laws of England*. London: Butterworth's, 1975.

Hamilton, Walton. *Property, Encyclopedia of The Social Sciences*. New York: Mac Millan, 1933.

Hollowell, Peter. *Property And Social Relations*. London: Heneman, 1982.

Hooker, M.B. *Adat And Islam In Malaya, Malaya Law Review Legal Essays*. Kuala Lumpur: Malaya Law Review, 1975.

Hooker, M.B. *Islamic Law In South East-Asia*. Oxford: Oxford University Press, 1984.

Ismail Hamid. *Masyarakat Dan Budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1988.

Jamal J. Nasir. *The Islamic Law Of Personal Status*. London: Graham & Trotman, 1986.

K. Ali M.A. Prof. *A Study Of Islamic History*. Calcutta: Mullick Brothers, 1974.

K.J. Aiyer's. *Manual Of Law Terms And Phrases*. Allahabad: Law Book Co. 1973.

Lewis, Bernard. *The Arabs In History*. London: Hutchinson University Library, 1970.

Lloyd, P.C. *Yoruba Land Law*. London:....., 1962.

Mahiudin Abu Zakaria Yahya Ibn Sharif En-Nawawi. *Minhaj Et-Taliban*. Lahore: Law Publishing Co. 1977.

Mergary, Robert, Sir And H.W.R. wade. *The Law Of Real Property*. London: Stevens & Sons Ltd, 1984.

Mohd Ridzuan Awang, *Konsep Undang-Undang Tanah Islam, Pendekatan Perbandingan*. Kuala Lumpur: Al-Rahmaniah, 1987.

Mohd Sanusi B. Hj. Mahmood, Hj. *Undang-Undang Keluarga Dalam Islam*. Kota Bharu, Kelantan: Dian Darul Nain Sdn. Bhd. 1984.

Mokhtar b. Hj. Mohd Dom, Hj. *Adat Perpatih Dan Adat Istiadat Masyarakat Malaysia*. Kuala Lumpur: Federal Publications, 1977.

Osborn P.G. *A Concise Law Dictionary*. London: Sweet & Maxwell, 1983.

Othman Ishak. *Hubungan Antara Undang-Undang Islam Dengan Undang-Undang Adat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, 1982.

Sihombing, Judith. National Land Code, A Commentary. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal, 1981.

Sood, Teo Keang, Khaw Lake Tee. Land Law In Malaysia Cases And Commentary. Singapore: Butterworth's And Co. (Asia) Pte. Ltd. 1981.

Syed Khalid Rashid. Muslim Law. Lucknow: Eastern Book Co. 1979.

Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran. Sheikh Abdullah Basmeih. Kuala Lumpur: Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri, 1985.

Jurnal

Manring T.A. "National Integration And Legal Systems: Malaysia". Malaya Law Review, 20 (1968), hal. 29-54.

Md. Akhir Bin Hj. Yaakob. "Harta Sepencarian". Jurnal Hukum, (Muharram 1405/ September 1984), hal. 36-60.

Minnattur, Joseph. "The Nature Of Malay Customary Law". Malaya Law Review, 6 (1964), hal. 327-352.

Mohd Din bin Ali, hj. "Malay Customary Law/ Family". Intisari, II (1963).

Salleh Abbas, Tun. "Perlaksanaan Undang-Undang Islam Di Malaysia". Jurnal Hukum, (Rejab 1404/ April 1984), hal. 143-148.

Taylor En.N. "Customary Law Of Rembau", Journal Of Malayan Branch Royal Asiatic Society, VII (1928), hal. 1-289.

Akhbar

Berita Minggu, Ahad 28 Januari, 1990.

Kertas Kerja Seminar

Hj. Taha Abdul Kadir, Prof. Madya. "Dilema Yang Wujud Dalam Masyarakat Adat Perpatih". Kertas Kerja Seminar Adat Perpatih, Universeiti Kebangsaan Malaysia, (17-18 September 1988).